



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM PENULISAN  
KARANGAN PELAJAR SEKOLAH**

**HASHIMAH HAJI HASHIM.**

**FPP 2005 34**



**KESAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM PENULISAN  
KARANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**HASHIMAH HAJI HASHIM**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**April 2005**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM PENULISAN KARANGAN  
PELAJAR SEKOLAH**

Oleh

**HASHIMAH BINTI HASHIM**

**April 2005**

**Pengerusi: Abdul Rasid bin Jamian, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan internet dalam penulisan karangan Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 114 pelajar tingkatan empat di daerah Hulu Langat. Sebanyak 57 orang pelajar ditempatkan dalam kumpulan eksperimen dan 57 orang pelajar ditempatkan dalam kumpulan kawalan. Pencapaian dilihat melalui tiga jenis karangan berbentuk fakta iaitu karangan jenis pendapat, perbincangan dan rencana. Skor didasarkan dengan menggunakan skema Pemarkahan Karangan Bahasa Malaysia Kertas 1 (1103/1) daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Untuk melihat tanggapan pelajar dalam penulisan karangan daripada aspek motivasi, sikap, minat dan efikasi sendiri, instrumen soal selidik digunakan. Instrumen soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian seperti aspek motivasi menggunakan instrumen yang diubahsuai daripada instrumen Warschauer (1996), sikap daripada instrumen Loyd dan Loyd (1985), minat daripada instrumen Cramer dan Smith (2000) dan instrumen Shmeck dan Geister – Breintein, (1995) untuk efikasi sendiri. Kajian ini adalah jenis eksperimen kuasi yang menggunakan reka bentuk, praujian dan pascaujian untuk kumpulan tak serupa (the pre test post test, non equivalent group designs). Pencapaian pelajar bagi kumpulan eksperimen adalah signifikan ( $p < 0.05$ ), dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Penggunaan internet dalam penulisan karangan juga telah memberikan motivasi, sikap, minat dan efikasi sendiri yang positif dalam penulisan karangan bahasa Melayu.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM PENULISAN KARANGAN  
PELAJAR SEKOLAH**

Oleh

**HASHIMAH BINTI HASHIM**

**April 2005**

**Pengerusi: Abdul Rasid bin Jamian, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan internet dalam penulisan karangan Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 114 pelajar tingkatan empat di daerah Hulu Langat. Sebanyak 57 orang pelajar ditempatkan dalam kumpulan eksperimen dan 57 orang pelajar ditempatkan dalam kumpulan kawalan. Pencapaian dilihat melalui tiga jenis karangan berbentuk fakta iaitu karangan jenis pendapat, perbincangan dan rencana. Skor didasarkan dengan menggunakan skema Pemarkahan Karangan Bahasa Malaysia Kertas 1 (1103/1) daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Untuk melihat tanggapan pelajar dalam penulisan karangan daripada aspek motivasi, sikap, minat dan efikasi sendiri, instrumen soal selidik digunakan. Instrumen soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian seperti aspek motivasi menggunakan instrumen yang diubahsuai daripada instrumen Warschauer (1996), sikap daripada instrumen Loyd dan Loyd (1985), minat daripada instrumen Cramer dan Smith (2000) dan instrumen Shmeck dan Geister – Breintein, (1995) untuk efikasi sendiri. Kajian ini adalah jenis eksperimen kuasi yang menggunakan reka bentuk, praujian dan pascaujian untuk kumpulan tak serupa (the pre



test post test, non equivalent group designs). Pencapaian pelajar bagi kumpulan eksperimen adalah signifikan ( $p < 0.05$ ), dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Penggunaan internet dalam penulisan karangan juga telah memberikan motivasi, sikap, minat dan efikasi sendiri yang positif dalam penulisan karangan bahasa Melayu.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

## **THE EFFECTS OF THE USE OF INTERNET IN ESSAY WRITING OF SCHOOL STUDENTS**

**By**

**HASHIMAH BINTI HASHIM**

**April 2005**

**Chairman: Abdul Rasid bin Jamian, PhD**

**Faculty: Educational Studies**

This research hopes to identify the effects of internet in Malay essay writing among secondary school students. The research samples are 114 form four secondary school students from the Hulu Langat District. A number of 57 students were grouped under the experiment group while 57 students were under the control group. The achievement is observed through three types of essay writing in the form of factual writing, namely article, opinion and, discussion. The score was based on marking scheme of Malay Essay Paper 1 (Bahasa Melayu Kertas 1 (1103/1), Sijil Pelajaran Malaysia from Malaysian Examination Syndicate (Lembaga Peperiksaan Malaysia). To observe students' perception in essay writing from the aspects of motivation, attitude, interest and self-efficacy, a research instrument was used. It is an instrument based on the suitability of several instruments including Warschauer's (1996), instrument to observe motivation aspect, Loyd & Loyd, (1985), instrument to observe attitude, Cramer & Smith, (2000) to observe interest and Shmeck & Geister – Breintein, (1995) instrument was used to observe self-efficacy. This research is a quasi experiment which uses pre test and post test designs for the non equivalent group designs. Students' achievement



was significant ( $p < 0.05$ ), compared to the controlled group. The use of internet in essay writing shown that positive motivation, attitude, interest, and self-efficacy in Malay essays writing.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt.

Setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin – Nya dapat saya menyempurnakan penulisan tesis ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan khususnya kepada Dr. Abdul Rasid bin Jamian ( Pengerusi) dan kepada Prof. Madya Dr. Ab Rahim bin Bakar (Ahli) yang telah menyelia dan membimbing saya dalam usaha untuk melengkapkan penulisan tesis ini. Keikhlasan, ketelitian dan kesabaran yang ada pada penyelia ini telah banyak membantu untuk menyiapkan tesis ini.

Selain itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pensyarah yang berkenaan di Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah membimbing saya semasa mengikuti kursus sepanjang pengajian di Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kerana menghadihkan biasiswa dan meluluskan cuti belajar sepenuh masa. Kepada Bahagian Perancang dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah meluluskan cadangan penyelidikan dan membenarkan saya menjalankan kajian terhadap pelajar di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Cheras, Selangor, terima kasih juga diucapkan dan kerjasama yang diberikan amat dihargai.

Rakaman terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, para pegawai di Jabatan Pendidikan Daerah Selangor, Pengetua yang dihormati dan guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Agama Persekutuan Kajang, Cheras, Selangor kerana memberi kerjasama yang baik semasa saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, saya merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada ibunda Hajah Awa binti Long dan ayahanda Haji Hashim bin Salim ( Al-Fatihah), mertua Haji Badusah bin Abbas, suami yang amat dikasihi Dr. Jamaludin bin Haji Badusah, anak-anak yang disayangi Nur Adilla, Muhd Illuddin, Muhammad Nasruddin dan Muhammad Latif. Segala doa, sokongan dan pengorbanan yang telah diberi amat dihargai. Semoga Allah merestui usaha murni ini. Insya Allah.

Sekian, wassalam.





## JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv

### BAB

1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Tujuan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Batasan Kajian	13
	1.7.1 Penggunaan Internet	13
	1.7.2 Penulisan Karangan	13
	1.7.3 Sekolah	14
	1.7.4 Pelajar	14
	1.7.5 Guru	15
1.8	Definisi Operasional	15
	1.8.1 Penggunaan Internet	15
	1.8.2 Penulisan Karangan	16
	1.8.3 Kesan	17
	1.8.4 Efikasi sendiri	17
	1.8.5 Motivasi	17
	1.8.6 Sikap	18
	1.8.7 Minat	19
2	KAJIAN-KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Komputer dalam Pendidikan	21
2.3	Internet dalam Pendidikan	25
2.4	Internet sebagai Bahan Bantu Belajar	31
2.5	Penulisan Menggunakan Internet	33
2.6	Motivasi, Sikap, Minat dan Efikasi sendiri Pelajar terhadap Internet	37
2.7	Kemahiran Penulisan	42
2.8	Teori Konstruktivisme	45
2.9	Penutup	47



3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Tatacara Pelaksanaan Kajian	51
3.4	Pemboleh ubah Kajian	54
	3.4.1 Pemboleh ubah Bersandar	54
	3.4.2 Pemboleh ubah Bebas	54
3.5	Populasi dan Persampelan	55
3.6	Instrumen Kajian	55
3.7	Kajian Rintis	60
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	61
3.9	Penganalisan Data	62
3.10	Penutup	63
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	64
4.2	Latar Belakang Responden	64
4.3	Pencapaian dalam Karangan Rencana, Pendapat dan Perbincangan	65
	4.3.1 Hipotesis Alternatif Karangan Jenis Rencana	67
	4.3.2 Hipotesis Alternatif Karangan Jenis Pendapat	69
	4.3.3 Hipotesis Alternatif Karangan Jenis Perbincangan	71
4.4	Tanggapan Sikap, Motivasi, Minat dan Efikasi sendiri terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan	73
	4.4.1 Hipotesis Alternatif Terhadap Sikap	73
	4.4.2 Hipotesis Alternatif Terhadap Motivasi	73
	4.4.3 Hipotesis Alternatif Terhadap Minat	74
	4.4.4 Hipotesis Alternatif Terhadap Efikasi Kendiri	75
4.5	Penutup	75
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	77
5.2	Perbincangan	77
	5.2.1 Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Karangan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen	77
	5.2.2 Tanggapan Sikap, Motivasi, Minat dan Efikasi Kendiri pelajar terhadap penggunaan internet dalam penulisan karangan	80
5.3	Implikasi Kajian	81
5.4	Cadangan	83
	5.4.1 Pihak Pengurusan Sekolah	83
	5.4.2 Kementerian Pelajaran Malaysia	85
	5.4.3 Kajian Lanjutan	86
5.5	Penutup	87



BIBLIOGRAFI	89
LAMPIRAN	98
BIODATA PENULIS	164



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 Jantina dan taraf pendapatan.	65
4.2 Perbandingan min dalam pencapaian keseluruhan karangan.	66
4.3 Perbezaan skor pencapaian praujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen karangan rencana	67
4.4 Perbezaan skor pencapaian pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen karangan rencana.	67
4.5 Perbezaan skor pencapaian praujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen karangan pendapat.	69
4.6 Perbezaan skor pencapaian pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen karangan pendapat.	69
4.7 Perbezaan skor pencapaian praujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen karangan perbincangan.	71
4.8 Perbezaan skor pencapaian pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen karangan perbincangan.	71
4.9 Perbezaan skor praujian dan pascaujian bagi sikap terhadap penggunaan internet dalam penulisan.	73
4.10 Perbezaan skor praujian dan pascaujian bagi motivasi terhadap penggunaan Internet dalam penulisan.	74
4.11 Perbezaan skor praujian dan pascaujian bagi minat terhadap penggunaan Internet dalam penulisan.	74
4.12 Perbezaan skor praujian dan pascaujian bagi efikasi sendiri terhadap penggunaan Internet dalam penulisan.	75



## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Praujian-Pascaujian, Dua Kumpulan Tak Serupa	51
3.2	Reka Bentuk Pelaksanaan Kajian	53
4.1	Graf skor karangan rencana antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.	68
4.2	Graf skor karangan pendapat antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.	70
4.3	Graf skor karangan perbincangan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.	72



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Dalam era ledakan teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan masa kini, pelbagai teknologi digunakan untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan. Pada masa kini, teknologi yang dianggap penting ialah penggunaan internet yang bukan sahaja digunakan sebagai alat penyebaran maklumat tetapi telah digunakan sebagai bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Kemunculan teknologi internet ini secara umumnya telah banyak memberi sumbangan kepada dunia pendidikan dan dijangka akan menjanjikan sumbangan yang menawarkan satu kaedah dalam penyelesaian masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutama dalam penulisan karangan.

Penulisan karangan ialah satu komponen yang penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran menulis perlu dikuasai untuk memudahkan penyampaian maklumat yang berkesan terutama dalam situasi formal selain berlisani. Berdasarkan pencapaian kemahiran penulisan pelajar dalam peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah didapati sebahagian pelajar masih belum menguasai kemahiran menulis dengan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Bahagian penulisan adalah sebahagian daripada aspek penilaian, justeru keadaan ini memberi gambaran bahawa calon yang menguasai kemahiran menulis dan disokong pula oleh isi yang mantap serta pengolahan yang menarik dan berkesan, sangat kurang dan bilangannya tidak memuaskan. Laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) mengatakan bahawa, prestasi calon secara

keseluruhannya pada tahap sederhana dan memuaskan. Laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (2003) ini juga menjelaskan bahawa, calon yang mendapat markah sederhana ini disebabkan penguasaan kosa kata yang kurang meluas, isi yang dikemukakan kurang matang dan tidak disertakan dengan contoh-contoh yang bersesuaian, di samping pengolahan yang kurang menarik dan kurang berkesan. Abdullah Hassan (1996) menjelaskan masalah utama ketidakmampuan menulis karangan dengan baik adalah disebabkan kurangnya maklumat yang ada dalam pengetahuan pelajar untuk ditulis. Keadaan ini adalah berpunca daripada pelajar yang tidak banyak membaca.

Pengajaran dan pembelajaran secara konvensional yang menggunakan pendekatan berpusatkan guru boleh dianggap salah satu faktor yang menyebabkan pelajar kurang matang dalam perbincangan dan memberikan pendapat. Pendekatan mengajar berpusatkan guru bermakna guru banyak memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding pelajar. Pelajar sering mendapat maklumat daripada penjelasan guru. Bahan rujukan untuk penulisan karangan selain diperoleh daripada penerangan guru, bahan rujukan yang paling mudah dan biasa digunakan ialah bahan artikel daripada akhbar dan majalah yang cukup terhad. Lantas keadaan sebegini mengehendkan pengetahuan pelajar dan menyekat kemampuan pelajar untuk menulis karangan dengan baik. Kemudahan mendapatkan bahan dan kesempatan untuk melakukan pembacaan memberi sumbangan kepada keupayaan mengumpulkan maklumat (Olson, 2003). Pelajar yang berpeluang membuat banyak bacaan akan dapat mengumpulkan maklumat yang banyak. Secara tidak langsung, ini akan membantu pelajar memberi idea yang baik dan lengkap dalam penulisan karangan mereka. Menurut Howie (1989) penulisan karangan mempunyai perkaitan rapat dengan tahap pembacaan.

Untuk membantu pelajar memperkaya pengetahuan mereka, suasana yang kaya dengan maklumat perlu disediakan di dalam bilik darjah. Keadaan bilik darjah perlu disediakan dengan bahan bantu belajar yang mudah diakses dan pelajar boleh membuat pilihan menerusi pelbagai bahan yang diperolehi. Harasim (1999) menjelaskan bahawa pelajar

boleh belajar dengan baik apabila proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah disokong dengan teknologi. Penggunaan teknologi internet di dalam bilik darjah merupakan satu inovasi yang sesuai dengan gaya pembelajaran bagi mendapatkan maklumat. Pembacaan untuk mendapatkan maklumat pada hari ini boleh dilakukan dalam bentuk digital melalui internet. Ghandi (2001) menunjukkan bahawa pembacaan melalui layar komputer merangkumi maklumat digital seperti bahan-bahan surat elektronik, hiperteks atau hipermedia. Pelbagai bahan pembacaan yang berbentuk multimedia boleh dicapai melalui tettingkap oleh pelajar melalui penggunaan internet (Godwin, 2003). Teknologi internet ini merupakan salah satu bahan bantu belajar yang inovatif yang boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, penggunaan internet juga dapat mempertingkatkan pengetahuan dan maklumat bagi persediaan dalam penulisan karangan.

Penggunaan teknologi internet di dalam bilik darjah secara tidak langsung akan mengubah pendekatan pengajaran guru. Pelajar tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada guru untuk mendapatkan maklumat atau idea bagi menulis karangan, malah mereka boleh mendapatkan maklumat setempat atau luar negara menerusi jaringan internet. Badger (2000) mengatakan bahawa, kaedah pengajaran dan pembelajaran pada hari ini telah mengarah kepada berpusatkan pelajar kerana pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru kurang memberikan perkembangan kognitif yang baik kepada pelajar. Pembelajaran yang berpusatkan pelajar menyediakan suasana pembelajaran yang lebih aktif dan guru banyak bertindak sebagai pemudah cara. Menurut Badger (2000) lagi pembelajaran aktif ini boleh disamakan dengan satu kaedah pembelajaran di dalam kelas secara atas talian. Pembelajaran secara atas talian adalah situasi pembelajaran aktif yang semula jadi yang boleh menggerakkan pelajar mendapatkan pelbagai maklumat. Pencarian dan perbincangan boleh dilakukan secara tertangguh. Dengan perkembangan teknologi komputer yang membawa bersama kemudahan internet, suasana pembelajaran aktif ini boleh dilaksanakan di dalam kelas.

Penggunaan pengajaran dan pembelajaran atas talian yang menggunakan aplikasi internet memberikan wadah baru kepada guru untuk menarik minat pelajar membaca



dan mengumpulkan maklumat. Sifat terbuka dan mudah kerana adanya maklumat setempat dan menarik untuk dicapai oleh pelajar di dalam internet merupakan satu inovasi dalam pengajaran bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam bidang penulisan. Segala maklumat yang disediakan sebahagiannya adalah percuma dan mudah untuk dicapai oleh pengguna. Kewujudan maklumat yang pelbagai menerusi internet ini adalah wadah terkini yang boleh membantu pelajar menambah koleksi pengetahuan mereka bagi membantu mereka dalam menghasilkan penulisan yang baik dan berkesan seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Stone (1999) dalam kajiannya mendapati kesan penggunaan internet dalam pengajaran penulisan karangan di kalangan pelajar sekolah menengah adalah positif. Kajian beliau mendapati program *Writing Using Internet as a Tool (W/IT)* berjaya memperbaiki tahap penulisan karangan kumpulan eksperimen. Pelajar kumpulan eksperimen berjaya menghasilkan penulisan karangan yang bermutu dari aspek isi, bahasa dan persembahan.

Penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran memberi satu suasana yang mudah suai. Pelajar boleh berhubung dengan guru atau rakan dalam bentuk serentak (*synchronous*) dan tertangguh (*asynchronous*) melalui ruangan perbualan (chat) atau surat elektronik (e-mail), (Watson & Anderson, 2001). Ini bermakna pelajar mempunyai ruang untuk berkomunikasi dengan guru atau dengan rakan pelajar dengan mudah. Perbincangan secara maya boleh berlaku dan dapat membantu pelajar bertukar-tukar pendapat dengan lebih mudah dan selesa tanpa kongkongan masa dan ruang. Clark (2001) turut menjelaskan bahawa banyak pakar pendidik mengakui setiap satu bahan pengajaran memberi sumbangan yang unik. Contohnya internet, yang boleh memberi sumbangan yang unik kepada pencapaian akademik yang tidak terdapat di dalam buku.

## 1.2 Penyataan Masalah

Keupayaan dalam kemahiran menulis dalam kalangan pelajar masih rendah, iaitu di bawah tahap cemerlang. Fenomena ini dapat dikesan hasil daripada keputusan peperiksaan awam, Sijil Pelajaran Malaysia. Laporan prestasi Bahasa Melayu Kertas 1 (1103/1), mendapati untuk tiga tahun belakangan ini bilangan calon yang mendapat markah cemerlang masih kurang. Lembaga Peperiksaan Malaysia (2001, 2002, 2003) telah melaporkan banyak calon berada pada tahap markah sederhana dan baik (69% - 35%) dan bagi yang berada pada tahap markah cemerlang (75%) masih kurang. Selain itu, calon yang lemah dan di bawah tahap minimum juga masih kedapatan. Majoriti calon mendapat markah yang sederhana disebabkan oleh penguasaan kosa kata yang kurang meluas, isi yang dikemukakan kurang matang dan tidak disertakan dengan contoh yang berkaitan, disusuli dengan pengolahan yang kurang menarik dan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Selain itu, banyak calon yang tidak berupaya menulis sehingga 350 patah perkataan seperti yang dikehendaki dalam arahan soalan.

Hasil daripada laporan prestasi calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam kertas 1 (1103/1) ini, menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa yang baik dan tahap kematangan dalam menyampaikan idea masih belum mencapai kehendak objektif pengajaran dan pembelajaran. Daripada semakan huraian sukatan pelajaran Malaysia (2000) pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kertas 1 adalah bertujuan untuk menguji kebolehan pelajar dalam membina, mengumpul dan menyusun idea atau isi-isi, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan. Pelajar diharap dapat melahirkan maksud, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan jelas dan berkesan. Selain itu pelajar dapat menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat dan keadaan yang sesuai. Akhir sekali pelajar dapat menulis dengan bahasa yang kemas, struktur yang betul dan gaya yang menarik.

Laporan Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran (2001, 2002, 2003) mendapati pencapaian Bahasa Melayu Kertas 1 (1103/1) adalah sederhana. Pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia juga melaporkan bahawa kekangan pelajar kurang mampu menulis dengan cemerlang adalah kerana mereka tidak dapat memberikan takrifan dan isi yang baik di samping penguasaan bahasa dan pengolahan yang lemah. Faktor ini adalah akibat daripada kurangnya maklumat yang menyebabkan pelajar kurang mampu untuk menghuraikan takrifan tajuk soalan, ketandusan isi dan diikuti dengan penyampaian karangan tanpa bahasa dan olahan yang berkesan. Abdullah (1996) menjelaskan bahawa, inilah antara sebab karangan pelajar tidak tepat dan kurang menarik. Keadaan ini juga menjelaskan bahawa, kecekapan mengarang dalam kalangan pelajar sekolah terutama pada peringkat menengah masih belum dapat dibanggakan

Berdasarkan analisis yang telah dibuat oleh Nawi (2001) terhadap pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, kemerosotan pencapaian Bahasa Melayu, sebahagiannya disumbang oleh kelemahan pelajar dalam Kertas 1 (1103/1). Menurut beliau lagi, pelajar gagal menghasilkan penulisan yang berkesan kerana kurang memiliki maklumat yang kukuh dan tepat tentang perkara yang ditulis.

Laporan Lembaga Peperiksaan (Kementerian Pendidikan, 2003) masih mendapati majoriti pelajar mendapat markah yang sederhana kerana isi yang dikemukakan kurang matang, kosa kata yang kurang meluas dan tidak disertakan contoh yang berkaitan. Malah ada juga yang menulis dengan mencampuradukkan isi yang cocok dan yang tidak cocok. Calon juga tidak berupaya memperkembang isi dengan baik. Huraian isi kurang mantap dan adakalanya kurang jelas maksudnya. Masalah kelemahan pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan ini masih belum selesai, kerana laporan prestasi pada keseluruhan untuk tahun 2003 masih menunjukkan pencapaian yang sama iaitu pada tahap sederhana dan memuaskan.

Kemahiran menulis menurut Baharum (1997) merupakan satu kemahiran yang paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kemahiran yang tertinggi serta aspek yang sukar dikuasai dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Walaupun

sedemikian kemahiran menulis merupakan aspek penting dalam semua bentuk pembelajaran (Abd. Rahim, 1999). Kemahiran menulis melibatkan unsur luaran dan dalaman diri seseorang pelajar. Aktiviti penulisan karangan memerlukan seseorang pelajar tersebut perlu menguasai sembilan aspek yang meliputi tujuan, khalayak, isi, proses menulis, organisasi, pemilihan kata, tata bahasa, mekanik dan sintaksis (Raimes, 1983). Kegagalan penguasaan aspek-aspek utama dalam penulisan karangan tersebut akan menyebabkan seseorang pelajar itu sukar untuk melahirkan idea dengan lancar dan berkesan. Pelajar yang gagal menguasai bidang penulisan akan mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dalam dunia pekerjaan mereka.

Guru juga perlu menyediakan pelajar mereka dengan kemahiran kognitif dan metakognitif. Pengajaran penulisan karangan begitu penting kerana melalui hasil tulisan dapat dinilai tahap kemampuan seseorang pelajar itu berfikir dan menyampaikan idea mereka. Menurut Mohd Anuar (1996) guru-guru di sekolah kebanyakannya pandai mengajar menulis tetapi tidak pandai mengajar menulis karangan. Menulis karangan adalah aktiviti yang melibatkan pengumpulan dan penyusunan idea untuk menghasilkan penulisan yang bermakna. Aktiviti menulis sebenarnya banyak membantu seseorang itu menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran. Melalui penulisan karangan juga, seseorang itu dapat menyampaikan maklumat, idea, perasaan dan pendapat (Ishak, 1979). Selain itu, tujuan mengajar mengarang adalah untuk melatih pelajar menggunakan kebebasan berfikir secara kritis dan kreatif dalam melahirkan perasaan. Mengarang juga akan memberi peluang kepada pelajar melahirkan fikiran, pendapat, komentar di samping memberi keseronokan kepada pelajar membicarakan pengalaman mereka (Baharum, 1997).

Kemahiran penulisan karangan didapati amat penting dan perlu dikuasai oleh pelajar untuk memenuhi keperluan pembelajaran dan keperluan kehidupan seharian. Keperluan ini menjadi semakin ketara apabila pelajar tamat persekolahan mereka. Walaupun kemahiran menulis dan mengarang itu penting untuk memenuhi kehendak dunia pendidikan dan dunia kehidupan moden, corak pengajaran dan pembelajaran yang disediakan di sekolah menengah kini tidak menuju ke arah pencapaian matlamat

tersebut. Tumpuan lebih diberikan kepada penghasilan isi atau fakta dalam kegiatan menulis yang agak terbatas. Isi dan fakta yang diberikan oleh guru selalunya menjurus kepada fokus soalan tertentu sahaja. Perkembangan daya intelektual dan kematangan pelajar agak kurang diberikan tumpuan. Kajian Jamaludin dan Zamri (1999) mendapati persepsi pelajar terhadap penulisan karangan adalah positif tetapi corak pengajaran guru yang berbentuk atau bersifat satu hala agak mengecewakan pelajar-pelajar. Peluang berbincang dengan guru dan rakan sedarjah amat terbatas kerana jumlah pelajar yang banyak di dalam sesebuah bilik darjah.

Guru di sekolah perlu bersikap inovatif untuk meningkatkan minat pelajar dalam pengajaran menulis karangan. Pengajaran guru yang tidak inovatif akan menyebabkan pelajar berasa bosan untuk belajar menulis. Menurut persepsi pelajar berdasarkan hasil kajian Jamaludin dan Zamri (1999) guru-guru kurang membantu mereka untuk melakukan penulisan karangan yang baik. Masalah pelajar yang ramai di dalam sesebuah kelas menyukarkan guru memberi tumpuan kepada keperluan individu belajar. Di samping itu, tidak semua guru bersifat guru yang serba tahu. Bilangan pelajar yang ramai di dalam bilik darjah dan jangka masa yang terhad, aktiviti perbincangan sukar diadakan di dalam bilik darjah. Keadaan ini menjadikan latihan dan layanan yang bersifat individu tidak wujud di dalam kelas (Noor Ein, 1990). Suasana sebegini, mengurangkan motivasi untuk belajar dan menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun, dapatan kajian Warschauer (1996) menunjukkan bahawa komputer dapat mempertingkatkan motivasi pelajar dalam pengajaran penulisan karangan. Berbantuan kemudahan internet yang disediakan, kemahiran pelajar dapat dipertingkatkan oleh para guru untuk membolehkan mereka membuat karangan.

Pengajaran kemahiran menulis karangan pada peringkat sekolah menengah memerlukan corak baru, iaitu corak yang dapat memberikan lebih penekanan kepada mengajar pelajar supaya dapat berfikir untuk mengubah atau menyusun perkataan, frasa, ayat dan seterusnya perenggan dalam bentuk karangan. Penulisan karangan bukan setakat membolehkan mereka berfikir untuk menghasilkan isi atau fakta tentang sesuatu tajuk yang diberikan sahaja (Mazlan, 1997). Keperluan kepada perubahan corak pengajaran

pembelajaran kemahiran menulis ini ditegaskan oleh Ishak (1979) bahawa karangan adalah kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa dan bukanlah sekadar hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun perkataan, frasa dan ayat semata-mata.

Berdasarkan kandungan sukatan pelajaran bahasa Melayu, salah satu daripada objektif pembelajaran bahasa Melayu adalah untuk membolehkan pelajar sekolah menghasilkan pelbagai jenis penulisan yang berdasarkan ketepatan dan penggunaan bahasa Melayu baku (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989). Di samping itu, diharapkan pelajar dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan serta kegiatan seharian di samping menguasai penulisan kreatif dengan pemikiran kritis dan analitis.

Penguasaan kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang berharga untuk membantu pelajar belajar dan menyimpan maklumat dalam semua bidang. Pengalaman menulis dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan akan mempertingkatkan kemahiran pelajar dalam bidang penulisan karangan. Melalui penulisan karangan, pelajar dapat mengalami tahap pemikiran yang tinggi, misalnya tahap analisis, sintesis, aplikasi dan penilaian. Seterusnya keadaan ini membolehkan pelajar membentuk kaedah sendiri untuk menyampaikan, mengorganisasi pendapat dan maklumat dalam memahami bidang yang dipelajari dengan baik .

Berdasarkan kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar untuk dikuasai kerana kemahiran ini melibatkan proses pemikiran yang paling rumit. Sesungguhnya, tugas menulis melibatkan satu proses kognitif yang memerlukan seseorang itu memperoleh keterangan atau maklumat, menyusunnya dan menghasilkan keterangan yang diperoleh itu dalam bentuk prosa (Fontaire, 1984). Contoh penulisan yang pelbagai pendekatan mungkin akan mematangkan pemikiran pelajar untuk membolehkan mereka mengorganisasi penyampaian yang berkesan.